9	746.00	343.16	46.00%	0.00	0.00%	3,568.50	1,784.25	50.00%	0.00	0.00%
10	746.00	343.16	46.00%	0.00	0.00%	3,568.50	1,784.25	50.00%	0.00	0.00%
11	746.00	343.16	46.00%	0.00	0.00%	3,568.50	1,605.83	45.00%	0.00	0.00%
12	746.00	343.16	46.00%	0.00	0.00%	3,568.50	1,605.83	45.00%	0.00	0.00%
13	746.00	343.16	46.00%	0.00	0.00%	3,568.50	1,605.83	45.00%	0.00	0.00%
14	746.00	343.16	46.00%	0.00	0.00%	3,568.50	1,605.83	45.00%	0.00	0.00%
15	746.00	343.16	46.00%	0.00	0.00%	3,568.50	713.70	20.00%	0.00	0.00%
16	746.00	193.96	26.00%	0.00	0.00%	3,568.50	713.70	20.00%	0.00	0.00%
17	746.00	193.96	26.00%	0.00	0.00%	3,568.50	0.00	0.00%	0.00	0.00%
18	746.00	193.96	26.00%	0.00	0.00%	3,568.50	0.00	0.00%	0.00	0.00%
19	746.00	193.96	26.00%	0.00	0.00%	3,568.50	0.00	0.00%	0.00	0.00%
20	746.00	193.96	26.00%	0.00	0.00%	3,568.50	0.00	0.00%	0.00	0.00%
21	746.00	0.00	0.00%	0.00	0.00%	3,568.50	0.00	0.00%	0.00	0.00%
22	746.00	0.00	0.00%	0.00	0.00%	3,568.50	0.00	0.00%	0.00	0.00%
23	746.00	0.00	0.00%	0.00	0.00%	3,568.50	0.00	0.00%	0.00	0.00%
24	746.00	0.00	0.00%	0.00	0.00%	3,568.50	0.00	0.00%	0.00	0.00%
25	746.00	0.00	0.00%	0.00	0.00%	3,568.50	0.00	0.00%	0.00	0.00%
26	746.00	0.00	0.00%	0.00	0.00%	3,568.50	0.00	0.00%	0.00	0.00%
27	746.00	0.00	0.00%	0.00	0.00%	3,568.50	0.00	0.00%	0.00	0.00%
28	746.00	0.00	0.00%	0.00	0.00%	3,568.50	0.00	0.00%	0.00	0.00%
29	746.00	0.00	0.00%	0.00	0.00%	3,568.50	0.00	0.00%	0.00	0.00%
30	746.00	0.00	0.00%	0.00	0.00%	3,568.50	0.00	0.00%	0.00	0.00%
31	746.00	0.00	0.00%	0.00	0.00%	3,568.50	0.00	0.00%	0.00	0.00%
32	746.00	0.00	0.00%	0.00	0.00%	3,568.50	0.00	0.00%	0.00	0.00%
33	746.00	0.00	0.00%	0.00	0.00%	3,568.50	0.00	0.00%	0.00	0.00%
34	746.00	0.00	0.00%	0.00	0.00%	3,568.50	0.00	0.00%	0.00	0.00%
35	746.00	0.00	0.00%	0.00	0.00%	3,568.50	0.00	0.00%	0.00	0.00%
36	746.00	0.00	0.00%	0.00	0.00%	3,568.50	0.00	0.00%	0.00	0.00%
37	746.00	0.00	0.00%	0.00	0.00%	3,568.50	0.00	0.00%	0.00	0.00%
38	746.00	0.00	0.00%	0.00	0.00%	3,568.50	0.00	0.00%	0.00	0.00%
39	746.00	0.00	0.00%	0.00	0.00%	3,568.50	0.00	0.00%	0.00	0.00%
40	746.00	0.00	0.00%	0.00	0.00%	3,568.50	0.00	0.00%	0.00	0.00%

Nota: Permohonan adalah tertakluk kepada kelulusan.

APENDIKS

Senarai 75 penyakit kritikal peringkat lanjut yang dilindungi

Nota: No. 55) Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain Untuk Penyakit Arteri Koronari A-Plus Infaq

1) Kanser - <i>keterukan tertentu dan tidak melindungi kanser tahap awal</i>	38) Poliomielitis - <i>yang mengakibatkan ketidakupayaan sepenuhnya untuk menjalankan Aktiviti Harian sekurang-kurangnya selama tiga bulan</i>
2) Strok - <i>mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal berterusan</i>	39) Scleroderma Progresif – <i>memerlukan biopsi dan bukti serologi</i>
3) Serangan Jantung - <i>keterukan tertentu</i>	40) Arthritis Reumatoid Kronik
4) Penyakit Arteri Koronari Serius	41) Penyakit Crohn Kronik Serius
5) Pembedahan Pintasan Arteri Koronari	42) Kolitis Ulseratif dengan Colectomy Keseluruhan
6) Pembedahan Injap Jantung	43) Myasthenia Gravis
7) Kardiomiopati - <i>keterukan tertentu</i>	44) Atrofi Otot Progresif
8) Pembedahan Injap Jantung	45) Supranuklear Palsy Progresif
9) Hipertensi Arteri Pulmonari Primer - <i>keterukan tertentu</i>	46) Kekurangan Adrenal Kronik
10) Penyakit Paru-Paru Tahap Akhir	47) Osteogenesis Imperfecta
11) Kegagalan Hati Tahap Akhir	48) Meningitis Tuberkulosis
12) Transplan Organ Utama / Sumsum Tulang	49) Rawatan Rapi - <i>memerlukan ventilasi mekanikal selama 10 hari</i>
13) Penyakit Parkinson - <i>mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan aktiviti kehidupan harian</i>	50) Sindrom Apalik – <i>memerlukan perunding ahli neurologi dan mesti didokumenkan secara perubatan sekurang-kurangnya selama sebulan</i>
14) Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk	51) Chronic Autoimmune Hepatitis
15) Koma - <i>mengakibatkan defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal berterusan</i>	52) Chronic Relapsing Pancreatitis – <i>Permanent and Irreversible</i>
16) Buta - <i>kekal dan tidak boleh pulih</i>	53) Penyakit Neuron Motor - <i>defisit neurologi kekal dengan simptom klinikal berterusan</i>
17) Pekak - <i>kekal dan tidak boleh pulih</i>	54) Penyakit Terminal
18) Kegagalan Buah Pinggang - <i>memerlukan dialisis atau transplan buah pinggang</i>	55) Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain Untuk Penyakit Arteri Koronari
19) Jangkitan HIV Melalui Transfusi Darah	56) AIDS Peringkat Teruk
20) Jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Penyakit (HIV) Disebabkan Pekerjaan	57) Pembedahan Scoliosis Idiopatik
21) Anemia Aplastik Kronik - <i>mengakibatkan kegagalan kekal sumsum tulang</i>	58) Elephantiasis (Penyakit Untut) – <i>menyebabkan Halangan Kekal dan Limfatik.</i>
22) Meningitis Bakteria - <i>mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan aktiviti kehidupan harian</i>	59) Metastasis Cerebrum
23) Pembedahan Otak	60) Penyakit Creutzfeldt-Jakob (Penyakit Lembu Gila) – <i>memerlukan pakar neurologi dan bukti ujian diagnostik.</i>
24) Tumor Otak Benigna - <i>keterukan tertentu</i>	61) Demam Hemoragik Ebola
25) Ensefalitis - <i>mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan aktiviti kehidupan harian</i>	62) Pheochromocytoma yang memerlukan pembedahan
26) Trauma Kepala Major (teruk) - <i>mengakibatkan ketidakupayaan kekal untuk melakukan aktiviti kehidupan harian</i>	63) Sindrom Nefrotik Berulang Teruk
27) Hilang Keupayaan Bertutur	64) Penyakit Wilson
28) Penyakit Sistik Medular	65) Sindrom Hemolitik Uremik
29) Kehilangan Upaya Hidup Sendiri	66) Fasciitis Nekrotikan
30) Kelecuman Tahap Ketiga - <i>keterukan tertentu</i>	67) Difteria pernafasan yang memerlukan ventilasi mekanikal
31) Hepatitis Viral Fulminan	68) Kehilangan Penggunaan Anggota Badan
32) Sklerosis Multipel	69) Aneurisme Serebrum yang Memerlukan Pembedahan Otak
33) Distrofi Otot	70) Avulsi Akar Berbilang Brachial Plexus
34) Kelumpuhan Anggota	71) Demam Reumatik Dengan Gangguan Injap Jantung
35) Lupus Eritematosus Sistemik Dengan Komplikasi Buah Pinggang yang Teruk	72) Reseksi keseluruhan usus kecil (duodenum, jejunum dan ileum)
36) Sindrom Eisenmenger Teruk	73) Fibrosis Pulmonari Teruk
37) Endokarditis Infektif	74) Rabies
	75) Tetanus Umum

Nota: Permohonan adalah tertakluk kepada kelulusan.

APENDIKS

Senarai bagi 65 penyakit kritikal peringkat awal dan 40 penyakit kritikal peringkat pertengahan yang dilindungi di bawah A-Plus Kritikal Early

No.	Kategori Penyakit Kritikal	Peristiwa Penyakit Kritikal	
		Peringkat Awal	Peringkat Pertengahan
1	Kanser	- Karsinoma in situ; atau - Kanser Prostat Awal; atau - Kanser Tiroid Awal; atau - Kanser Pundi Awal; atau - Leukemia Limfositik Kronik Awal; atau - Melanoma Awal; atau - Kanser Stromal gastro-usus	- Karsinoma in situ dan Kanser Awal Organ Khusus lain yang Dirawat dengan Pembedahan Radikal
2	Strok / Angin Ahmar	- Pembedahan Aneurisme Otak; atau - Pemasukan Pintasan Serebrum	- Pembedahan Arteri Karotid
3	Serangan Jantung	- Pemasukan Perentak Jantung	- Pemasukan Defibrilator Jantung
4	Penyakit Arteri Koronari Serius	- Penyakit Arteri Koronari Awal	- Penyakit Arteri Koronari Lain
5	Pembedahan Pintasan Arteri Koronari	- Perikardektomi; atau - Terapi Laser Transmyocardial	- Penggrafan Pintasan Arteri Koronari Langsung Kurang Invasif (MIDCAB)
6	Pembedahan Injap Jantung	- Valvuloplasti Perkutaneus	- Penggantian Injap Perkutaneus
7	Kardiomiopati	- Kardiomiopati Hipertrofik	- Perikarditis Konstriktif dengan Pembedahan
8	Pembedahan Aorta	- Aneurisme Aorta Asimtomatik Besar	- Pembedahan Kurang Invasif ke atas Aorta
9	Hipertensi Arteri Pulmonari Primer	- Hipertensi Arteri Pulmonari Primer Awal	- Hipertensi Arteri Pulmonari Sekunder
10	Penyakit Paru-paru Kronik	- Asma Serius; atau - Pemasukan penapis Vena Cava	- Pembuangan Satu Paru-paru menerusi Pembedahan
11	Penyakit Hati	- Pembedahan Hati	- Sirosis Hati
12	Transplan Organ Utama/ Sumsum Tulang	- Transplan Usus Kecil; atau - Transplan Kornea	- Transplan Organ Utama/Sumsum Tulang (dalam senarai menunggu)
13	Penyakit Parkinson	- Penyakit Parkinson Awal	- Penyakit Parkinson Sederhana Serius
14	Penyakit Alzheimer / Demensia Teruk	- Penyakit Alzheimer Awal	- Penyakit Alzheimer Sederhana Serius
15	Koma	- Koma selama 48 jam	- Koma selama 72 jam
16	Hilang Penglihatan	- Kehilangan Penglihatan Sebelah Mata	- Retinitis Pigmentosa; atau - Atrofi Saraf Optik
17	Hilang Pendengaran	- Kehilangan Sebahagian Pendengaran; atau - Pembedahan Trombosis Sinus Kavernus	- Pembedahan Implan Koklear
18	Kegagalan Buah Pinggang	- Pembuangan Satu Buah Pinggang menerusi Pembedahan	- Penyakit Buah Pinggang Kronik
19	Transfusi Darah	- Hepatitis B atau C yang Diperolehi menerusi Pekerjaan; atau - Jangkitan HIV Akibat Serangan	- Jangkitan HIV Melalui Transplan Organ
20	Anemia Aplastik	- Jangkitan HIV Akibat Serangan	Tiada
21	Meningitis Bakteria	- Meningitis Bakteria dengan Pemulihan Penuh	- Meningitis Bakteria Sederhana Serius
22	Pembedahan Otak	- Pembedahan bagi Hematoma Subdura	- Pembuangan Tumor Otak melalui Laluan Trans Sfenoidal
23	Tumor Otak	- Pembedahan Pemetongan Meningioma Tulang Belakang	- Pembedahan Pembuangan Tumor Pituitari menerusi Hipofisektomi Trans Sfenoidal
24	Ensefalitis	- Ensefalitis dengan Pemulihan Penuh	- Ensefalitis Sederhana
25	Trauma Kepala	- Pembedahan Rekonstruktif Muka; atau - Kecederaan Saraf Tunjang Serviks Kerana Kemalangan	- Trauma Kepala Sederhana
26	Hilang Keupayaan Bertutur	- Hilang Keupayaan Bertutur (selain dari kecederaan atau penyakit pada pita suara)	- Trakeostomi Kekal (atau Sementara)

Nota: Permohonan adalah tertakluk kepada kelulusan.

No.	Kategori Penyakit Kritikal	Peristiwa Penyakit Kritikal	
		Peringkat Awal	Peringkat Pertengahan
27	Penyakit Sistik Medular	- Glomerulonefritis Kronik	Tiada
28	Kehilangan Upaya Hidup Sendiri (Berdikari)	- Kehilangan Jari	- Kehilangan Upaya Hidup - Sendiri (Berdikari) Peringkat Awal
29	Kelecuman	- Kelecuman Sederhana	- Kelecuman Sederhana Serius
30	Hepatitis Viral Fulminan	- Pembedahan Pembentukan Semula Salur Biliari	- Kolangitis Sklerosis Primer Kronik
31	Sklerosis Multipel	- Sklerosis Multipel Peringkat Awal	Tiada
32	Distrofi Otot	- Penyakit Saraf Tunjang atau Kecederaan yang menyebabkan Gangguan Usus dan Pundi	- Distrofi Otot Sederhana Serius
33	Kelumpuhan Anggota	- Hilang Penggunaan Satu Anggota	- Kehilangan Penggunaan Satu Anggota dan Kehilangan Penglihatan Sebelah Mata
34	Lupus Eritematosus Sistemik	- Lupus Eritematosus Sistemik Kurang Serius	Tiada
35	Sindrom Eisenmenger	- Sindrom Eisenmenger Kurang Serius	Tiada
36	Endokarditis Infektif	- Endokarditis Infektif Sederhana Serius	Tiada
37	Poliomielitis	- Neuropati Perifer	- Poliomieltis Sederhana
38	Scleroderma Progresif	- Scleroderma Progresif Awal	- Scleroderma Progresif dengan Sindrom CREST
39	Artritis Reumatoid Serius	- Artritis Reumatoid Sederhana	- Artritis Reumatoid Sederhana Serius
40	Penyakit Crohn	- Penyakit Crohn Kronik	Tiada
41	Kolitis Ulseratif Serius	- Kolitis Ulseratif Kronik; atau - Kolitis Ulseratif Akut	Tiada
42	Myasthenia Gravis	- Myasthenia Gravis Kurang Serius	Tiada
43	Atrofi Otot Progresif	- Atrofi Otot Progresif Kurang Serius	Tiada
44	Supranuklear Palsy Progresif	- Supranuklear Palsy Progresif Awal	Tiada
45	Kekurangan Adrenal Kronik	- Adrenaletomi untuk Adenoma Adrenal	Tiada
46	Osteogenesis Imperfecta	- Osteoporosis dengan Keretakan	- Osteoporosis dengan Keretakan Serius
47	Meningitis Tuberkulosis	- Mielitis Tuberkulos	Tiada
48	Rawatan Rapi	- Rawatan Rapi - memerlukan ventilasi mekanikal selama 5 hari	Tiada
49	Sindrom Apalik	- Sifat Bisu Akinetic	- Sindrom Locked In
50	Hepatitis Autoimun Kronik	- Hepatitis Autoimun Kronik Awal	Tiada
51	Pankreatitis Berulangan Kronik	- Pankreatitis Nekrotik Akut	- Pankreatitis Berulangan Kronik Sederhana Serius
52	Epilepsi Serius	Tiada	- Epilepsi Serius
53	Keretakan Tulang Belakang dalam Kemalangan	Tiada	- Keretakan Tulang Belakang dalam Kemalangan
54	Penyakit Neuron Motor	Tiada	- Penyakit Neuron Motor Peringkat Awal

Nota: Permohonan adalah tertakluk kepada kelulusan.

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK



**AIA PUBLIC
TAKAFUL**

Pelanggan yang Dihormati,

Helaiian Pendedahan Produk (PDS) ini memberi anda maklumat-maklumat penting berkenaan takaful keluarga anda.

Pelanggan-pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ianya bermanfaat; **anda juga patut membacanya.**

AIA PUBLIC Takaful Bhd
201101007816 (935955-M)

Tarikh: 01/05/2026

Manfaat-manfaat yang dibayar di bawah sijil / produk takaful yang layak adalah dilindungi oleh Perbadanan Insurans Deposit Malaysia ("PIDM") sehingga had perlindungan. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi AIA PUBLIC Takaful Bhd. atau PIDM (layari www.pidm.gov.my).

1 Apakah itu A-Life Kritikal Flex?

A-Life Kritikal Flex adalah suatu produk takaful yang menyediakan perlindungan untuk 75 penyakit kritikal tahap lanjut yang tertentu. Sila rujuk apendiks yang dilampirkan untuk senarai penyakit kritikal yang dilindungi.

Konsep-konsep Syariah yang diguna pakai di bawah sijil takaful ini adalah *Tabarru'* (derma), *Wakalah* (agensi), *Mudarabah* (perkongsian keuntungan), *Ju'alah* (insentif prestasi), *Wakalah bi al-Istithmar* (agensi pelaburan), *Qard* (pinjaman tanpa faedah) dan *Hibah* (hadiah) bersyarat. Sila rujuk apendiks yang dilampirkan untuk penerangan terperinci mengenai konsep-konsep *Shariah* ini.

2 Ketahui Perlindungan / Faedah Anda

Sebagai ilustrasi, untuk RM2,061.00 tahunan bagi tahun pertama, anda akan menerima perlindungan berikut:				
Faedah Penyakit Kritikal	RM500,000.00 Untuk Angioplasti dan Rawatan Invasif Lain untuk Penyakit Arteri Koronari, pembayaran adalah terhad kepada RM25,000.00 . Jumlah dilindungi kemudiannya akan berkurang sebanyak amaun yang dibayar ini. Nota: Nilai akaun daripada Dana Akaun Peserta akan dibayar bersama Faedah Penyakit Kritikal jika tiada rider(-rider) dilampirkan.			
Faedah Penjaga	RM3,000.00 Nota: Faedah ini hanya terpakai untuk jumlah dilindungi sebanyak RM100,000 dan ke atas.			
Faedah Belas Kasihan	RM50,000.00 berserta nilai akaun bagi Dana Akaun Peserta.			
Bonus Tunai Tahunan (YCB) Vitality	Faedah ini dibayar pada setiap tahun sijil, di mana amaun tersebut ditentukan dengan mendarabkan jumlah caruman dibayar untuk pelan asas dan rider(-rider) (jika ada), (tidak termasuk caruman untuk A-Plus Saver-i dan tokokan ad-hoc) dengan peratusan (%) YCB.			
Nota: Faedah ini hanya terpakai untuk ahli AIA Vitality.	YCB% berdasarkan status AIA Vitality			
	Platinum	Emas	Perak	Gangsa
	15.0% setiap tahun	7.5% setiap tahun	0.0%	0.0%
Pelanjutan Tempoh Perlindungan Automatik	Apabila Orang Dilindungi mencapai umur 70, sijil takaful akan terus berkuatkuasa sehingga umur 80 tahun untuk pelan asas dan sehingga umur perlindungan maksimum untuk mana-mana rider yang dilampirkan (jika berkenaan) dengan syarat terdapat nilai akaun yang mencukupi untuk tolakan <i>Tabarru'</i> . Anda boleh memilih untuk menarik diri daripada pelanjutan ini bila-bila masa sebelum mencapai umur pada sijil tamat tempoh.			
Faedah Matang	Nilai akaun daripada Dana Akaun Peserta.			
Pilihan Peralihan Caruman & Perlindungan	Tiada Nota: Pilihan peralihan caruman & perlindungan hanya akan terpakai jika Orang Dilindungi menyertai sijil takaful ini pada umur 50 dan ke bawah. Anda boleh mengubah pilihan ini sebelum ulang tahun sijil Orang Dilindungi mencapai umur 60 semasa sijil takaful ini masih berkuatkuasa.			
Perlindungan tambahan	Anda boleh memilih untuk menambah perlindungan anda dengan mengambil rider tambahan (sekiranya terpakai). Sila rujuk kepada PDS yang berkenaan untuk maklumat lanjut mengenai rider yang dipilih.			
Penyakit kritikal yang <u>dilindungi</u> di bawah produk ini adalah termasuk: 1. Strok 2. Kanser 3. Serangan Jantung				
Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila baca sijil takaful anda untuk butiran mengenai penyakit kritikal yang dilindungi.				

Nota: Permohonan adalah tertakluk kepada kelulusan.

Takaful perubatan dan kesihatan anda ini **mengecualikan**:

- Bunuh diri - sekiranya kematian adalah disebabkan oleh bunuh diri di dalam tempoh 1 tahun dari tarikh penyertaan atau tarikh mula (yang mana lebih kemudian), kami akan membayar semula caruman yang telah dibayar, tanpa keuntungan. Sijil takaful kemudiannya akan ditamatkan.
- Keadaan sedia ada yang telah wujud sebelum tarikh penyertaan atau tarikh mula (yang mana lebih kemudian).
- Kecacatan atau penyakit kongenital yang telah muncul atau telah didiagnos sebelum Orang Dilindungi mencapai umur 17 tahun.
- Penyakit kritikal yang didiagnos disebabkan adanya apa-apa jangkitan yang berpunca daripada Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV). Kami mungkin memerlukan Orang Dilindungi untuk menjalani ujian darah untuk HIV sebelum kami meluluskan sebarang tuntutan.
- Penyakit kritikal yang disebabkan secara langsung daripada penyalahgunaan alkohol atau dadah.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda perlu merujuk kepada sijil takaful untuk senarai penuh pengecualian.

Sekiranya anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan berkenaan dengan takaful perubatan dan kesihatan anda, anda boleh:



Hubungi kami di:
1300-88-8922



Lawat kami di:

<https://www.aia.com.my/bm/our-products/health-protection/critical-illness-protection/a-life-kritikal-flex.html>



E-mel kami di:
my.pdsenquiry@aia.com

3 Ketahui Tanggungjawab Anda

Untuk takaful perubatan dan kesihatan ini, anda harus membayar caruman takaful sebanyak:

Caruman	RM2,061.00 tahunan Caruman untuk pelan ini akan meningkat setiap tahun bersama peningkatan umur Orang Dilindungi. Caruman yang dipaparkan di atas ialah caruman pertama yang dibayar selepas sijil takaful perubatan dan kesihatan ini berkuatkuasa. Sila rujuk kepada jadual caruman dalam apendiks untuk butiran berkaitan caruman tahun-tahun seterusnya.
---------	--

Tempoh: sehingga umur 70 tahun

Anda juga perlu membayar yuran-yuran dan caj-caj berikut:

Jumlah keseluruhan komisen	0.9% daripada jumlah keseluruhan caruman yang dibayar atau RM3,608.46
Jumlah keseluruhan yuran Wakalah (termasuk komisen)	7.1% daripada jumlah keseluruhan caruman yang dibayar atau RM26,865.32
Caj-caj lain yang terpakai	• <i>'Tabarru'</i> akan ditolak setiap bulan berdasarkan kepada umur Orang Dilindungi yang dicapai dan faktor-faktor lain yang berkenaan. <i>'Tabarru'</i> bagi faedah-faedah tertentu mungkin akan meningkat mengikut umur. Ia merupakan derma bagi tujuan bantuan dan pertolongan bersama kepada peserta-peserta lain yang memerlukan. • Caj pengurusan dana untuk menampung kos-kos pentadbiran di dalam pelaburan dan pengurusan dana-dana berkaitan pelaburan yang tersedia di bawah Dana Pelaburan Peserta. • Caj penukaran dana untuk menampung kos-kos pentadbiran di dalam penukaran pelaburan daripada satu dana berkaitan pelaburan ke dana berkaitan pelaburan yang lain di bawah Dana Pelaburan Peserta. Buat masa ini, tiada caj yang dikenakan.

4 Terma-terma Utama Lain

- Anda perlu mendedahkan semua fakta-fakta penting seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda dengan betul. Sekiranya anda gagal untuk berbuat demikian, terdapat risiko tuntutan anda mungkin akan ditolak atau sijil anda akan ditamatkan.
- Dana-dana yang terdapat di bawah sijil takaful ini adalah Dana Risiko Peserta, Dana Akaun Peserta dan Dana Pelaburan Peserta.
- Nilai akaun bagi sijil takaful anda adalah bergantung kepada prestasi Dana Akaun Peserta dan Dana Pelaburan Peserta dan adalah tidak dijamin.
- Anda mempunyai tempoh ihsan selama 31 hari daripada setiap tarikh caruman perlu dibayar untuk membayar caruman bagi sijil takaful. Sijil takaful akan kekal berkuatkuasa semasa tempoh ini. Sekiranya caruman masih lagi belum dibayar apabila tempoh ihsan ini berakhir, sijil takaful mungkin akan luput, tertakluk kepada adanya nilai akaun bagi Dana Akaun Peserta.
- Anda perlu hidup untuk sekurang-kurangnya 7 hari dari tarikh diagnosis penyakit kritikal yang dilindungi. Tiada faedah akan dibayar sekiranya anda meninggal dunia sebelum berakhirnya tempoh hidup tersebut.
- Sekiranya terdapat tuntutan yang di bawah sijil takaful, anda dinasihatkan untuk memaklumkan kepada kami dengan segera. Sila rujuk kepada laman web AIA untuk memahami lebih lanjut prosedur-prosedur membuat tuntutan.
- Tempoh perlindungan: Sehingga umur 70 tahun.
- Perlindungan anda akan hanya bermula 60 hari kalendar dari tarikh sijil berkuat kuasa untuk Kanser, Serangan Jantung dan Pembedahan Pintasan Arteri Koronari dan Penyakit Arteri Koronari Serius dan 30 hari kalendar dari tarikh sijil berkuat kuasa untuk penyakit kritikal yang lain.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda perlu merujuk kepada sijil takaful untuk senarai penuh terma dan syarat.

? Bolehkah saya membatalkan sijil saya?

Ya, anda boleh membatalkan sijil takaful anda dengan memberi notis bertulis kepada kami.

- **Tempoh percubaan:** Anda boleh membatalkan sijil takaful anda di dalam tempoh 15 hari setelah menerima kontrak e-sijil anda menerusi portal pelanggan AIA atau di dalam tempoh 15 hari setelah menerima versi salinan bercetak, yang mana terpakai. Caruman yang anda telah bayar akan dikembalikan kepada anda selepas ditolak sebarang perbelanjaan perubatan yang ditanggung.
- **Selepas tempoh percubaan:** Anda boleh membuat serahan ke atas sijil takaful anda dengan memberi notis bertulis kepada kami. Nilai serahan bagi sijil takaful ini adalah nilai akaun bagi Dana Akaun Peserta dan Dana Pelaburan Peserta (jika terpakai) dan ia adalah tidak dijamin. Sila pertimbangkan dengan teliti memandangkan anda mungkin akan mengalami kerugian sekiranya anda membuat serahan sijil takaful. Sijil takaful kemudiannya akan ditamatkan.

Pelan takaful ini diuruskan oleh AIA PUBLIC Takaful Bhd., pengendali takaful berlesen di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan dikawal selia oleh Bank Negara Malaysia.

Nota: Permohonan adalah tertakluk kepada kelulusan.

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK



**AIA PUBLIC
TAKAFUL**

Pelanggan yang Dihormati,

Helaiian Pendedahan Produk (PDS) ini memberi anda maklumat-maklumat penting berkenaan takaful keluarga anda.

AIA PUBLIC Takaful Bhd
201101007816 (935955-M)

Tarikh: 01/05/2026

Pelanggan-pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ianya bermanfaat; **anda juga patut membacanya.**

1 Apakah itu A-Plus Kritikal Early?

A-Plus Kritikal Early ialah rider caruman berbayar yang menyediakan perlindungan untuk tambahan 65 penyakit kritikal tahap awal dan 40 penyakit kritikal tahap pertengahan yang tertentu. Sila rujuk kepada apendiks bagi senarai penyakit kritikal dan keadaan yang dilindungi.

2 Ketahui Perlindungan / Faedah Anda

Sebagai ilustrasi, untuk **RM692.00** tahunan bagi tahun pertama, anda akan menerima **perlindungan** berikut:

Faedah Penyakit Kritikal Pendahuluan **RM100,000.00**

Penyakit kritikal yang dilindungi di bawah rider ini adalah termasuk:

1. Karsinoma in situ dan Kanser Awal Organ Khusus lain yang Dirawat dengan Pembedahan Radikal
2. Pembedahan Aneurisme Otak
3. Pemasukan Perentak Jantung

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila baca sijil takaful anda untuk butiran mengenai penyakit kritikal yang dilindungi.

Rider takaful perubatan dan kesihatan ini **mengecualikan**:

- Keadaan sedia ada yang telah wujud sebelum tarikh penyertaan atau tarikh mula bagi rider ini (yang mana lebih kemudian).
- Kecacatan/penyakit kongenital yang telah muncul atau telah didiagnos sebelum Orang Dilindungi mencapai umur 17.
- Penyakit kritikal yang didiagnos disebabkan adanya apa-apa jangkitan yang berpunca daripada Sindrom Kurang Daya Tahan Penyakit (AIDS) atau jangkitan Virus Kurang Daya Tahan Manusia (HIV). Kami mungkin memerlukan Orang Dilindungi untuk menjalani ujian darah untuk HIV sebelum kami meluluskan sebarang tuntutan.
- Penyakit kritikal yang disebabkan secara langsung daripada penyalahgunaan alkohol atau dadah.atau atau kecederaan yang berlaku akibat perbuatan diri sendiri.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda perlu merujuk kepada sijil takaful untuk senarai penuh pengecualian.

3 Ketahui Tanggungjawab Anda

Untuk rider takaful perubatan dan kesihatan ini, anda perlu membayar caruman takaful sebanyak:

Caruman	RM692.00 tahunan Caruman untuk rider ini akan meningkat setiap tahun bersama peningkatan umur Orang Dilindungi. Caruman yang dipaparkan di atas ialah caruman pertama yang dibayar selepas sijil takaful perubatan dan kesihatan ini berkuatkuasa. Sila rujuk kepada jadual caruman dalam apendiks untuk butiran berkaitan caruman tahun-tahun seterusnya.
Tempoh: sehingga umur 70 tahun	
Anda juga perlu membayar yuran-yuran dan caj-caj berikut:	
Jumlah keseluruhan komisen	1.1% daripada jumlah keseluruhan caruman yang dibayar atau RM1,289.42
Jumlah keseluruhan yuran <i>Wakalah</i> (termasuk komisen)	8.4% daripada jumlah keseluruhan caruman yang dibayar atau RM9,463.55
Caj-caj lain yang terpakai	<i>Tabarru'</i> (Sila rujuk PDS bagi pelan asas untuk penerangan mengenai <i>Tabarru'</i>)

4 Terma-Terma Utama Yang Lain

- Anda perlu mendedahkan semua fakta-fakta penting seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda dengan betul. Sekiranya anda gagal untuk berbuat demikian, terdapat risiko tuntutan anda mungkin akan ditolak atau sijil anda akan ditamatkan.
- Anda perlu hidup untuk sekurang-kurangnya 7 hari dari tarikh diagnosis penyakit kritikal yang dilindungi. Tiada faedah akan dibayar sekiranya anda meninggal dunia sebelum berakhirnya tempoh hidup tersebut.
- Perlindungan anda hanya akan bermula 60 hari kalendar dari tarikh berkuat kuasa rider ini.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda perlu merujuk kepada sijil takaful untuk senarai penuh terma dan syarat.

? Bolehkah saya membatalkan rider saya?

Ya, anda boleh membatalkan rider ini dengan memaklumkan kepada Perancang Hayat AIA anda. Anda juga boleh menghubungi kami melalui nombor telefon yang dinyatakan di dalam PDS bagi pelan asas atau mengunjungi mana-mana pusat pelanggan AIA yang disenaraikan di AIA.COM.MY.

Nota: Permohonan adalah tertakluk kepada kelulusan.

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK



**AIA PUBLIC
TAKAFUL**

AIA PUBLIC Takaful Bhd
201101007816 (935955-M)

Tarikh: 01/05/2026

Pelanggan yang Dihormati,

Helaiian Pendedahan Produk (PDS) ini memberi anda maklumat-maklumat penting berkenaan takaful keluarga anda.

Pelanggan-pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ianya bermanfaat; **anda juga patut membacanya.**

1 Apakah itu A-Plus Recover-i

A-Plus Recover-i ialah rider caruman berbayar yang menyediakan perlindungan untuk penghospitalan berpanjangan.

2 Ketahui Perlindungan / Faedah Anda

Sebagai ilustrasi, untuk **RM580.00** tahunan bagi tahun pertama, anda akan menerima **perlindungan** berikut:

Faedah Penghospitalan Berpanjangan	RM100,000.00 Amaun ini akan dibayar secara sekaligus jika Orang Dilindungi memenuhi syarat berikut: i. Kemasukan ke Unit Rawatan Rapi (ICU) di hospital disebabkan oleh sebarang hilang upaya untuk tempoh sekurang-kurangnya 5 hari berturut-turut; atau ii. Penghospitalan dengan tujuan untuk menerima rawatan perubatan untuk tempoh sekurang-kurangnya 15 hari berturut-turut, di mana hospitalisasi harus berserta dengan pembedahan atau adalah disebabkan jangkitan. Faedah ini boleh dibayar sehingga 2 kali, terhad kepada pembayaran maksimum sebanyak 200% daripada jumlah dilindungi rider ini.
Faedah Pengurusan Kes Perubatan Peribadi (PMCM)	Faedah ini menyediakan sokongan berterusan diperibadikan sepanjang proses pemulihan Orang Dilindungi selepas didiagnosis dengan penyakit kritikal yang dilindungi.

Rider takaful perubatan dan kesihatan ini **mengecualikan**:

- Keadaan sedia ada yang telah wujud sebelum tarikh penyertaan atau tarikh mula bagi rider ini (yang mana lebih kemudian).
- Ketaknormalan medikal atau fizikal yang telah wujud sebelum lahir dan juga ketaknormalan fizikal neonatal yang terbentuk di dalam tempoh 6 bulan selepas kelahiran.
- Kecacatan kongenital atau penyakit yang telah muncul atau yang telah didiagnosis sebelum Orang Dilindungi mencapai umur 17 tahun.
- Sebarang hilang upaya yang berpunca daripada perbuatan mudarat ke atas diri sendiri atau cubaan untuk melakukannya sama ada semasa waras atau tidak waras, kecederaan yang dilakukan ke atas diri sendiri dengan sengaja dan mendedahkan diri kepada bahaya dengan sadar.
- Sebarang hilang upaya yang berpunca daripada peperangan (sama ada yang diisytiharkan atau tidak) serangan, rusuhan, perang saudara, revolusi atau sebarang operasi bersifat peperangan.
- Sebarang pelanggaran atau cubaan untuk melanggar undang-undang atau cubaan untuk menentang penahanan.
- Kehamilan, kelahiran anak, keguguran, pengguguran atau penamatan kehamilan.
- Rawatan untuk penyakit kelamin.
- Gangguan mental atau saraf dan rawatan untuk penyalahgunaan alkohol atau dadah.
- Penghospitalan yang tujuan utamanya adalah untuk membuat siasatan, diagnosis, pemeriksaan X-ray, pemeriksaan fizikal am atau pemeriksaan perubatan.
- Sebarang rawatan atau siasatan yang tidak perlu dari segi perubatan atau yang bersifat pemulihan, penjagaan asuhan atau rehat.
- Sebarang kemasukan dengan tujuan pemerhatian dan tidak memerlukan sebarang rawatan.
- Teknik dan alatan perubatan atau pembedahan yang bersifat eksperimental atau perintis.
- Rawatan perubatan di luar negara (kecuali Singapura dan Brunei).
- Keadaan perubatan berikut dilindungi di bawah Faedah Pengurusan Kes Perubatan Peribadi:
 - kecemasan perubatan dan kemalangan;
 - situasi mendesak atau mengancam nyawa seperti kemasukan ke Unit Rawatan Rapi (ICU);
 - penyakit kronik jangka panjang seperti hepatitis kronik, diabetes, tekanan darah tinggi dan kolesterol tinggi; atau
 - keadaan kesihatan mental seperti anoreksia/bulimia, gangguan tidur berkaitan kesihatan mental, kebimbangan dan kemurungan.

Nota: Senarai ini adalah **tidak menyeluruh**. Anda perlu merujuk kepada sijil takaful untuk senarai penuh pengecualian.

3 Ketahui Tanggungjawab Anda

Untuk rider takaful perubatan dan kesihatan ini, anda perlu membayar caruman takaful sebanyak:

Caruman	RM580.00 tahunan Caruman untuk rider ini akan meningkat setiap tahun bersama peningkatan umur Orang Dilindungi. Caruman yang dipaparkan di atas ialah caruman pertama yang dibayar selepas sijil takaful perubatan dan kesihatan ini berkuatkuasa. Sila rujuk kepada jadual caruman dalam apendiks untuk butiran berkaitan caruman tahun-tahun seterusnya.
---------	--

Tempoh: sehingga umur 70 tahun

Anda juga perlu membayar yuran-yuran dan caj-caj berikut:

Jumlah keseluruhan komisen	1.6% daripada jumlah keseluruhan caruman yang dibayar atau RM1,034.70
Jumlah keseluruhan yuran <i>Wakalah</i> (termasuk komisen)	11.8% daripada jumlah keseluruhan caruman yang dibayar atau RM7,850.00
Caj-caj lain yang terpakai	<i>Tabarru'</i> (Sila rujuk PDS bagi pelan asas untuk penerangan mengenai <i>Tabarru'</i>)

Nota: Permohonan adalah tertakluk kepada kelulusan.

4 Terma-Terma Utama Yang Lain

- Anda perlu mendedahkan semua fakta-fakta penting seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur anda dengan betul. Sekiranya anda gagal untuk berbuat demikian, terdapat risiko tuntutan anda mungkin akan ditolak atau sijil anda akan ditamatkan.
- Anda perlu hidup untuk sekurang-kurangnya 15 hari dari tarikh diagnosis penyakit kritikal yang dilindungi. Tiada faedah akan dibayar sekiranya anda meninggal dunia sebelum berakhirnya tempoh hidup tersebut.
- Perlindungan hanya akan bermula 60 hari kalendar selepas tarikh berkuat kuasa rider ini. Walau bagaimanapun, bagi penyakit atau keadaan tertentu, perlindungan hanya akan bermula 120 hari kalendar selepas tarikh berkuat kuasa rider ini.

Nota: Senarai ini **tidak lengkap**. Anda perlu merujuk sijil takaful anda untuk senarai lengkap terma dan syarat.

? Bolehkah saya membatalkan rider saya?

Ya, anda boleh membatalkan rider ini dengan memaklumkan kepada Perancang Hayat AIA anda. Anda juga boleh menghubungi kami melalui nombor telefon yang dinyatakan di dalam PDS bagi pelan asas atau mengunjungi mana-mana pusat pelanggan AIA yang disenaraikan di AIA.COM.MY.

HELAIAN PENDEDAHAN PRODUK



**AIA PUBLIC
TAKAFUL**

AIA PUBLIC Takaful Bhd
201101007816 (935955-M)

Tarikh: 01/05/2026

Pelanggan yang Dihormati,

Helaiian Pendedahan Produk (PDS) ini memberi anda maklumat-maklumat penting berkenaan takaful keluarga anda.

Pelanggan-pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ianya bermanfaat; **anda juga patut membacanya.**

1 Apakah itu A-Plus Infaq?

A-Plus Infaq ialah rider caruman berbayar yang membayar faedah secara sekali gus sekiranya anda meninggal dunia atau mengalami hilang upaya menyeluruh dan kekal semasa tempoh perlindungan. Amaun faedah akan didermakan kepada organisasi kebajikan yang telah dipilih oleh Peserta mengikut peratusan yang dinyatakan. Tambahan lagi, jika anda didiagnos dengan mana-mana satu daripada 74 penyakit kritikal peringkat lanjut yang tertentu, kami akan meneruskan pembayaran caruman untuk rider ini sehingga tamat tempoh perlindungan.

2 Ketahui Perlindungan / Faedah Anda

Sebagai ilustrasi, untuk **RM2,435.00** tahunan bagi tahun pertama, anda akan menerima **perlindungan** berikut:

Faedah Kematian / Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh	RM500,000.00 Perlindungan terhadap hilang upaya menyeluruh dan kekal adalah sehingga Orang Dilindungi mencapai umur 70 tahun.
Faedah Penyakit Kritikal (A-Plus Kritikal Infaq)	RM2,115.00 setiap tahun / untuk tahun siji pertama Jika anda didiagnos dengan mana-mana satu daripada 74 penyakit kritikal tahap lanjut yang tertentu, amaun yang dinyatakan tersebut akan dicarum sebagai bayaran untuk perlindungan terhadap kematian dan hilang upaya menyeluruh dan kekal di bawah rider ini, sehingga tamat tempoh perlindungan. Bagi tahun-tahun berikutnya, amaun ini akan berubah. Sila rujuk kepada apendiks untuk amaun perlindungan tersebut (A-Plus Kritikal Infaq Sum Covered).

Penyakit kritikal yang dilindungi di bawah rider ini adalah termasuk:

1. Strok
2. Kanser
3. Serangan Jantung

Nota: Senarai ini tidak lengkap. Sila baca siji takaful anda untuk butiran mengenai penyakit kritikal yang dilindungi.

Rider ini **mengecualikan**:

- Bunuh diri - sekiranya kematian adalah disebabkan oleh bunuh diri di dalam tempoh 1 tahun dari tarikh penyertaan atau tarikh mula bagi rider ini (yang mana lebih kemudian), kami akan memulangkan semula jumlah yuran *Wakalah*, *Tabarru'* dan semua caj yang telah ditolak untuk rider ini. Rider ini kemudiannya akan ditamatkan.
- Hilang upaya menyeluruh dan kekal yang disebabkan oleh:
 - mendedahkan diri kepada bahaya secara sengaja atau perbuatan mudarat yang dilakukan ke atas diri sendiri sama ada semasa waras atau tidak waras;
 - perkhidmatan di dalam sebarang angkatan bersenjata pada waktu peperangan (sama ada yang diisytiharkan atau tidak) atau semasa di bawah arahan untuk operasi bersifat peperangan atau untuk pemulihan ketenteraman awam;
 - aktiviti yang melibatkan sebarang alatan atau pengangkutan udara melainkan sebagai penumpang yang membayar tambang atau anak kapal di atas pesawat pembawa penumpang komersil yang di dalam perjalanan mengangkut penumpang yang telah dijadualkan mengikut laluan yang telah ditentukan; atau
 - sebarang kecacatan kongenital yang telah muncul atau yang telah didiagnos sebelum umur 17 tahun atau hilang upaya sedia ada yang berpunca daripada keadaan fizikal atau mental.
